



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-31**

Tarikh : 17 Februari 2017 (Jumaat)
Masa : 2.45 Petang
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra,
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 31.0	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS, TWP EMS, TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-31 ini;</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah dan mengaluakan kehadiran TWP PP dan TWP PTJ yang baharu dilantik iaitu:</p> <p>(i) Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin yang dilantik sebagai TWP Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bermula 6 Januari 2017;</p> <p>(ii) Encik Mohd Junaidi bin Haji Yasin yang dilantik sebagai TWP Kolej Kediaman bermula 10 Januari 2017;</p> <p>(iii) Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin yang dilantik sebagai TWP Fakulti Perhutanan bermula 3 Januari 2017;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

	<p>(iv) Encik Ludinata bin Misnun yang dilantik sebagai TWP Fakulti Perubatan Veterinar bermula 3 Januari 2017; dan</p> <p>(v) Encik Mohd Pauzi bin Abdul Karim yang dilantik sebagai TWP Fakulti Pengajian Pendidikan bermula 6 Januari 2017.</p> <p>(c) turut merakamkan ucapan tahniah atas perlantikan Puan Nurhanisah binti Sadun sebagai Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik dan Akreditasi, Pusat Jaminan Kualiti yang baharu berkuatkuasa pada 5 Disember 2016.</p> <p>Mesyuarat merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Prof. Dr. M. Iqbal bin Saripan, Mantan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti ke jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM bermula pada 15 Februari 2017.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Prof. Dr. M. Iqbal bin Saripan masih menjalankan tugas sebagai Wakil Pengurusan Universiti sehingga adanya pelantikan Pengarah Baharu bagi Pusat Jaminan Kualiti.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>Minit 31.1</p>	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-30</p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-30 yang telah diadakan pada 14 Disember 2016 disahkan dengan pindaan berikut:</p>	<p>Makluman</p>
<p>Minit 31.2</p>	<p>Perkara-perkara Berbangkit</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-30 seperti mana pada kertas edaran yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p>	

	<p>(i) <u>Minit 30.2 (a)(i)</u> - meminta PKPU mendapatkan maklumbalas berkaitan semakan piagam pelanggan melalui surat yang telah dikeluarkan pada 2 Disember 2016 kepada Pengerusi Jemaah Dekan, Pengerusi Jemaah Institut dan Pengerusi Jemaah Pengetua.</p> <p>(ii) <u>Minit 30.2 (a)(ii)</u> - meminta empat PTJ yang belum membuat penutupan ke atas lapan NCR Audit Dalaman QMS 2016 yang sudah melebihi tempoh supaya berbuat demikian seberapa segera.</p> <p>Mesyuarat turut menyarankan supaya TWP setiap PTJ mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan dengan Ketua PTJ masing-masing bagi memastikan semua tindakan yang perlu dilaksanakan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti sampai ke pengetahuan Ketua PTJ.</p> <p>(iii) <u>Minit 30.5 (d) (i)</u> - mengambil maklum Sistem Maklum Balas (U-Respons) yang sebelum ini dicadangkan secara <i>friendly mobile</i> telah diubah kepada penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri. Sistem ini dijadualkan untuk diujilari (<i>trial run</i>) pada bulan Mac 2017 dan taklimat penggunaan sistem ini akan diberikan kepada semua Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) PTJ sekitar bulan April dan Mei 2017.</p> <p>Memandangkan SISPAA menggunakan sepenuhnya pelayar (<i>server</i>) pihak luar, mesyuarat mencadangkan supaya satu perbincangan khas diadakan di antara PKPU dengan pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) bagi menyemak aspek jaminan keselamatan data UPM dengan penggunaan sistem ini.</p>	<p>PKPU</p> <p>TWP BKU/ TWP FPAS/ TWP INTROP/ TWP TNCJIM (CARE)</p> <p>TWP PP/ TWP PTJ</p> <p>PKPU</p> <p>PKPU/TWP iDEC</p>
--	---	--

<p>Minit 31.3</p>	<p>Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) kertas laporan pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2016 adalah seperti pada lampiran agenda 4.0 yang telah dibentang. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras diwujudkan bagi menyokong pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Universiti, yang masing-masing merupakan terjemahan kepada pencapaian objektif kualiti bagi Sistem Pengurusan Kualiti UPM.</p> <p>(b) sebanyak 48 proses telah diukur pada tahun 2016 yang melibatkan kategori proses pelaksanaan SPK di UPM seperti berikut:</p> <p>(i) Proses Utama sebanyak tujuh pengukuran proses;</p> <p>(ii) Proses Sokongan sebanyak enam pengukuran proses; dan</p> <p>(iii) Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan sebanyak 35 pengukuran proses.</p> <p>(c) pencapaian tahun 2016 menunjukkan sebanyak 46 proses mencapai sasaran yang ditetapkan manakala dua proses yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut, iaitu:</p> <p>(i) peratusan pelajar menduduki viva dalam tempoh tiga bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk pemeriksaan; dan</p> <p>(ii) laporan keseluruhan penilaian prestasi pembekal dua kali setahun</p> <ul style="list-style-type: none"> • 95% ke atas • 80% • 50% (kurang memuaskan) <p>(d) tindakan yang dipersetujui untuk diambil tindakan oleh dua Peneraju Proses yang terlibat adalah sepertimana berikut:</p> <p>(i) Sekolah Pengajian Siswazah diminta membuat analisis berkaitan kelewatan pelajar menduduki viva berdasarkan kepada faktor pemeriksa luar dan dalam negara dan juga peringkat pengajian (PhD/Master); dan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP SPS</p>
--------------------------	--	--

<p>Minit 31.4</p>	<p>(ii) Pejabat Bursar diminta mengeluarkan surat peringatan kepada pembekal yang memperoleh skor penilaian prestasi kurang memuaskan serta mengadakan taklimat kepada semua pembekal yang berdaftar dengan UPM berkaitan perkara ini. Pembekal yang masih memperoleh skor penilaian prestasi kurang memuaskan setelah diberi surat peringatan akan disekat daripada mendapat sebarang kerja/projek perolehan di UPM.</p>	<p>TWP Pejabat Bursar</p>
	<p>(e) mencadangkan supaya Sekolah Pengajian Siswazah mengemukakan cadangan petunjuk prestasi baharu di bawah skop pasca siswazah berkaitan kualiti penyeliaan.</p>	<p>TWP SPS</p>
	<p>Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Peringkat Peneraju Tahun 2016</p>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum:</p>	
	<p>(a) laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Disember 2016 yang merangkumi Skop Perkhidmatan Utama iaitu Pra Siswazah, Pasca Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi adalah sepertimana pada lampiran agenda 5.0 yang telah dibentang.</p>	<p>Makluman</p>
	<p>(b) kesemua empat piagam pelanggan di bawah Skop Pra Siswazah dan enam piagam pelanggan di bawah Skop Penyelidikan dan Inovasi telah mencapai sasaran yang ditetapkan manakala bagi Skop Pasca Siswazah hanya sembilan piagam pelanggan mencapai sasaran manakala baki dua piagam lagi tidak mencapai sasaran.</p>	<p>Makluman</p>
<p>(c) meminta supaya Sekolah Pengajian Siswazah selaku Peneraju Proses yang terlibat mengambil tindakan sebagaimana cadangan semasa mesyuarat, iaitu:</p> <p>(i) memperincikan data berkaitan punca kelewatan pemakluman keputusan peperiksaan semester kepada pelajar dalam tempoh enam minggu selepas hari terakhir minggu peperiksaan berdasarkan kepada faktor pelajar antarabangsa dan tempatan dan</p>	<p>TWP SPS</p>	

	<p>juga jenis pembiayaan pelajar (tajaan/pembiayaan sendiri); dan</p> <p>(ii) melaksanakan tindakan sepertimana cadangan pada pelan peringkat fungsian dan aras bagi pengukuran yang sama dalam usaha memastikan pelajar dapat menduduki viva voce dalam tempoh tiga bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk peperiksaan.</p>	<p>TWP SPS</p>
<p>Minit 31.5</p>	<p>Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2016 adalah sepertimana pada lampiran agenda 6.0 yang telah dibentang.</p> <p>(b) terdapat lima objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2016 dan semua objektif ISMS berkenaan telah mencapai sasaran yang ditetapkan berdasarkan kepada pelaksanaan skop ISMS sedia ada, iaitu:</p> <p>(i) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat melibatkan Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra;</p> <p>(ii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah; dan</p> <p>(iii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah.</p> <p>(c) mengambil perhatian bahawa objektif ISMS perlu diukur dan dipantau secara berkala iaitu sebanyak dua kali setahun oleh setiap Peneraju ISMS.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP ISMS, TWP IDEC, TWP HEPA, TWP BKU</p>

	<p>(vi) tahap kepercayaan pelajar baharu kepada kerahsiaan maklumat yang diserahkan kepada universiti semasa pendaftaran.</p> <p>(c) secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi Kemasukan Semester Pertama 2016/2017 menunjukkan:</p> <p>(i) analisis kepuasan pelanggan menunjukkan 96% pelajar baharu yang mendaftar berpuas hati (skala empat dan skala lima) dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran iaitu soalan satu sehingga enam;</p> <p>(ii) jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala lima (sangat memuaskan) adalah pada soalan dua iaitu tahap kesediaan setiap kaunter yang melayan pelajar baharu semasa proses pendaftaran manakala yang terendah yang memberikan skala lima adalah pada soalan satu iaitu tahap ketepatan maklumat dalam surat tawaran universiti berkaitan nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat;</p> <p>(iii) jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala satu (sangat tidak memuaskan) adalah kepada soalan satu iaitu maklumat pada surat tawaran manakala jumlah yang terendah yang memberikan skala satu adalah pada soalan enam iaitu tahap kepercayaan pada kerahsiaan data maklumat pelajar baharu yang diserahkan kepada universiti semasa hari pendaftaran;</p> <p>(iv) walau bagaimana pun, borang soal selidik tidak meminta maklumat lebih terperinci berkenaan faktor yang menyebabkan responden memberikan skala satu pada soalan yang diajukan; dan</p>	<p>Makluman</p>
--	---	------------------------

<p>Minit 31.7</p>	<p>(v) jika dilihat kepada tren, seramai 65 responden telah memberikan skala satu pada setiap soalan dalam borang soal selidik. Ini berkemungkinan responden betul-betul tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, sengaja memberikan skala satu ataupun keliru berkenaan skala yang diberikan iaitu antara skala satu (sangat tidak memuaskan) dan skala lima (sangat memuaskan). walau bagaimana pun, borang soal selidik tidak meminta maklumat lebih terperinci berkenaan faktor yang menyebabkan responden memberikan skala satu pada soalan yang diajukan.</p> <p>(d) meminta supaya jumlah responden yang memberikan skor satu (sangat tidak memuaskan) pada setiap soalan dibahagikan mengikut kolej kediaman bagi mengenalpasti punca sebenar kenapa skor terendah berkenaan diperolehi.</p> <p>(e) meminta supaya satu ruangan komen/cadangan diwujudkan dalam borang soal selidik secara atas talian pada masa akan datang bagi memberi ruang kepada responden memberikan maklum balas dan membantu pihak Universiti dan urusetia untuk membuat penambahbaikan ke atas proses sedia ada.</p> <p>Laporan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan kawalan pelan pemulihan risiko ISMS tahun 2016 adalah sepertimana lampiran pada agenda 8.0 yang dibentang. Pemilihan kawalan dalam pemulihan risiko adalah berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko sama ada mengurangkan, memindahkan, menerima atau mengelakkan.</p> <p>(b) terdapat dua aset yang dinilai berisiko tinggi (<i>high</i>) bagi tahun 2016 iaitu:</p>	<p>TWP ISMS/ Peneraju ISMS yang terlibat</p> <p>TWP ISMS/ Peneraju ISMS yang terlibat</p> <p>Makluman</p>
--------------------------	--	--

	<p>(i) bangunan yang menempatkan Pusat Data Utama tidak pernah melalui proses pemeriksaan layak menduduki dan kedudukan Pusat Data Utama terdedah kepada risiko banjir disebabkan kedudukannya di aras paling bawah. Bagaimanapun hasil pelan pemulihan risiko yang dijalankan pada Ogos 2016 telah berjaya menurunkan tahap risiko aset ini kepada sederhana (<i>medium</i>).</p> <p>(ii) pembayaran yuran pendaftaran secara tunai (30%) terdedah kepada risiko. Tahap risiko masih kekal tinggi (<i>high</i>) selepas pelan pemulihan dilaksanakan ekoran masih terdapat sebahagian kecil pelajar yang membuat pembayaran yuran secara tunai pada Sesi Kemasukan Semester Pertama 2016/2017. Pihak Peneraju Proses yang terlibat diminta menetapkan sasaran tempoh akhir bagi penerimaan pembayaran yuran secara tunai dan digantikan dengan kaedah pembayaran secara <i>online</i> menerusi kemudahan "Jom Pay".</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP Bursar</p>
<p>Minit 31.8</p>	<p>Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) kertas laporan pencapaian objektif EMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 adalah sepertimana lampiran pada agenda 9.0 yang telah dibentang.</p> <p>(b) objektif EMS dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan iaitu:</p> <p>(i) penjimatan penggunaan kertas;</p> <p>(ii) penjimatan tenaga elektrik;</p> <p>(iii) pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel;</p> <p>(iv) pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

- (v) pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan;
- (vi) pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan
- (vii) pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan.

(c) tujuh objektif EMS mencapai sasaran manakala dua lagi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2016. Punca penyebab dan tindakan pembedulan telah dikenalpasti bagi objektif yang tidak mencapai sasaran seperti berikut:

**TWP
EMS/TWP
PPPA/TWP
PPKKP**

Bil	Objektif EMS	Punca Penyebab	Tindakan Pembedulan
1.	Penjimatan tenaga elektrik	Penjimatan adalah untuk keseluruhan kampus. Aktiviti penjimatan masih pada "no cost" dan hanya sedikit "low cost" menjadikan sasaran agak sukar dicapai.	1. PPPA akan mengkaji semula sasaran bagi penjimatan elektrik. PPPA mengesyorkan agar sasaran diturunkan kepada 6%. 2. Program EPC di 3 PTJ besar iaitu Fakulti Perubatan, Fakulti Kejuruteraan dan IBS dijangka dapat memberi penjimatan yang tinggi kepada UPM.
2.	Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik (Pengukuran berdasarkan Senarai Semak	Pengisian inventori secara manual dan pembelian tidak terkawal.	Membangunkan sistem inventori atas talian secara berpusat bagi memudahkan perekodan dan kawalan (pembelian, pendaftaran dan

	Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Skop Pematuhan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000		Pengemaskinian)
--	---	--	-----------------

(d) mesyuarat mengambil perhatian berhubung perkara berikut:

- (i) pencapaian objektif EMS perlu diukur dan dipantau secara berkala iaitu sebanyak dua kali setahun oleh Peneraju EMS;
- (ii) meluluskan cadangan pindaan bagi sasaran objektif penjimatan elektrik bagi tahun 2017 iaitu daripada 10% kepada 6% berdasarkan justifikasi yang dinyatakan; dan
- (iii) cadangan semakan semula keberkesanan pengukuran dan objektif serta sasaran bagi pengendalian bahan kimia, pengendalian radioaktif, dan pengendalian sisa buangan terjadual selaras pindaan daftar aspek impak terkini.

**TWP EMS/
Peneraju EMS**

Minit 31.9

Laporan Penilaian Pematuhan Undang-Undang Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Tahun 2016

Mesyuarat mengambil maklum:

- (a) kertas laporan penilaian pematuhan undang-undang EMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2017 adalah sepertimana **lampiran pada agenda 10.0** yang dibentang.

Makluman

<p>Minit 31.10</p>	<p>(b) secara keseluruhan status semakan dan penilaian kepatuhan terhadap keperluan perundangan dan keperluan lain yang berkaitan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana jadual berikut:</p> <table border="1" data-bbox="509 427 1236 732"> <thead> <tr> <th data-bbox="509 427 705 687">Bilangan <i>Checkpoint</i> *</th> <th data-bbox="705 427 874 687">Bilangan Patuh</th> <th data-bbox="874 427 1038 687">Bilangan Tidak Patuh</th> <th data-bbox="1038 427 1236 687">Bilangan Tidak Berkaitan Ketika Penilaian Dibuat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="509 687 705 732">114</td> <td data-bbox="705 687 874 732">66</td> <td data-bbox="874 687 1038 732">31</td> <td data-bbox="1038 687 1236 732">18</td> </tr> </tbody> </table>	Bilangan <i>Checkpoint</i> *	Bilangan Patuh	Bilangan Tidak Patuh	Bilangan Tidak Berkaitan Ketika Penilaian Dibuat	114	66	31	18	<p>Makluman</p>
	Bilangan <i>Checkpoint</i> *	Bilangan Patuh	Bilangan Tidak Patuh	Bilangan Tidak Berkaitan Ketika Penilaian Dibuat						
114	66	31	18							
<p>(c) mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>(i) penilaian kepatuhan terhadap perundangan dan keperluan lain yang berkaitan dengan alam sekitar di UPM dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) secara berkala iaitu sebanyak tiga kali mesyuarat JKPK pada tahun 2016; dan</p> <p>(ii) status penilaian kepatuhan terhadap laporan pemeriksaan skop penilaian kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar tahun 2016 dan mengambil tindakan pembetulan terhadap 66 keperluan perundangan yang tidak patuh.</p>	<p>TWP EMS/ Peneraju EMS</p>									
<p>Minit 31.10</p>	<p>Laporan Dokumentasi</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) cadangan pindaan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 yang melibatkan Prosedur Kawalan Dokumen dan Rekod ISO (UPM/PGR/P001) dan Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) adalah sepertimana lampiran pada agenda 11.0 yang telah dibenteng.</p> <p>(b) perubahan ini mengambikira keperluan penambahbaikan dalam aspek kawalan dokumen di UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>								

<p>Minit 31.11</p>	<p>(c) bersetuju meluluskan cadangan pindaan Prosedur Kawalan Dokumen dan Rekod ISO (UPM/PGR/P001) dan Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) (QMS) MS ISO 9001 untuk dikuatkuasakan pada 24 Mac 2017.</p> <p>Laporan Audit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan analisis penemuan berulang semasa audit badan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 di UPM bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah sepertimana lampiran pada agenda 12.0 yang telah dibentang.</p> <p>(b) terdapat lima isu/penemuan yang sering berulang pada setiap audit yang dilaksanakan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) rekod fail kursus pengajaran; (ii) penentukuran peralatan penyelidikan; (iii) projek penyelidikan; (iv) aduan pelanggan; dan (v) kawalan harta pelanggan berkaitan salinan kad pengenalan. <p>(c) meminta semua PTJ mengambil perhatian dan melaksanakan tindakan pencegahan sewajarnya bagi memastikan isu/penemuan yang sama tidak berulang kembali.</p>	<p>PKD</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Semua TWP PP/ TWP PTJ</p>
<p>Minit 31.12</p>	<p>Rancangan Tindakan bagi Pengekalan Pensijilan ISO Tahun 2017</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) berhubung kertas rancangan tindakan bagi pengekalan pensijilan ISO tahun 2017 yang merangkumi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah sepertimana lampiran pada agenda 13.0 yang telah dibentang.</p>	<p>Makluman</p>

<p>Minit 31.13</p>	<p>(b) dan perhatian berkaitan tarikh penting dalam takwim setiap ISO yang melibatkan PTJ secara langsung iaitu:</p> <table border="1" data-bbox="509 338 1240 1077"> <thead> <tr> <th></th> <th>QMS</th> <th>ISMS</th> <th>EMS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Audit Dalam</td> <td>10-14 & 17-21 Julai 2017</td> <td>25 - 27 April 2017</td> <td>6 - 9 Jun 2017</td> </tr> <tr> <td>Audit SIRIM</td> <td>11-15, 18-20 & 25-26 Septem ber 2017</td> <td>2 -3 Oktober 2017</td> <td>9 -11 Oktober 2017</td> </tr> <tr> <td>Kursus Juruaudit Dalam</td> <td>5 - 6 & 18-19 April 2017</td> <td>21 - 22 Februari 2017</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>Bengkel</td> <td colspan="3">Sepertimana perincian pada takwim ISO</td> </tr> </tbody> </table>		QMS	ISMS	EMS	Audit Dalam	10-14 & 17-21 Julai 2017	25 - 27 April 2017	6 - 9 Jun 2017	Audit SIRIM	11-15, 18-20 & 25-26 Septem ber 2017	2 -3 Oktober 2017	9 -11 Oktober 2017	Kursus Juruaudit Dalam	5 - 6 & 18-19 April 2017	21 - 22 Februari 2017	-	Bengkel	Sepertimana perincian pada takwim ISO			<p>Makluman</p>
		QMS	ISMS	EMS																		
Audit Dalam	10-14 & 17-21 Julai 2017	25 - 27 April 2017	6 - 9 Jun 2017																			
Audit SIRIM	11-15, 18-20 & 25-26 Septem ber 2017	2 -3 Oktober 2017	9 -11 Oktober 2017																			
Kursus Juruaudit Dalam	5 - 6 & 18-19 April 2017	21 - 22 Februari 2017	-																			
Bengkel	Sepertimana perincian pada takwim ISO																					
<p>(c) meminta semua PTJ turut mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) semakan sendiri dilaksana di peringkat PTJ sebelum pelaksanaan Audit Dalam dan Audit SIRIM; (ii) peserta bagi kursus audit dalaman akan diberi keutamaan kepada PTJ yang tidak mempunyai/tidak cukup juruaudit dalaman; (iii) pegawai/pelaksana PTJ yang sesuai akan dijemput menghadiri siri bengkel ISO yang telah dijadualkan. <p>Pemantapan Daftar Aspek Impak Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) berhubung cadangan pemantapan Daftar Aspek Impak EMS adalah sepertimana lampiran pada agenda 14.0 yang telah dibentang.</p>	<p>Semua TWP PP/ TWP PTJ</p> <p>Makluman</p>																					

<p>Minit 31.15</p>	<p>Penanguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.05 petang dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	<p>(ii) KIK merupakan salah satu komponen dalam kriteria Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran; dan</p> <p>(iii) penubuhan pasukan fasilitator KIK UPM.</p> <p>(b) Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) kali ke-353 telah meluluskan pelaksanaan KIK sebagai salah satu usaha universiti untuk meningkatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam dan turut bersetuju setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) mempunyai sekurang-kurangnya satu projek KIK (1 PTJ, 1 KIK).</p> <p>(c) menyokong cadangan pemantapan program KIK UPM dan meminta semua PTJ mengambil perhatian berkaitan takwim pemantapan KIK yang boleh disertai oleh KIK PTJ dalam usaha membantu meningkatkan prestasi penarafan bintang pengurusan pentadbiran di bawah komponen inovasi perkhidmatan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan budaya inovasi di kalangan staf di UPM.</p> <p>Makluman</p> <p>Semua TWP PP/PTJ</p>
---------------------------	--	---

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : 17 Februari 2017 (Jumaat)
 Masa : 2.45 Petang
 Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra
 Universiti Putra Malaysia

Kehadiran

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Prof . Dr. M. Iqbal bin Saripan	Wakil Pengurusan/Pengerusi Mesyuarat
2.	Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh	TWP EMS/Fakulti Kejuruteraan
3.	Encik Mohd. Faizal bin Daud	TWP ISMS/Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
4.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
5.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
6.	Encik Shahriman bin Hashim	TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
7.	Encik Amiruddin bin Abd Aziz	TWP (PP) Sekolah Pengajian Siswazah
8.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
9.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
10.	Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
11.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
12.	Encik Roslan bin Parjo	TWP (PP) Pusat Kesihatan Universiti
13.	Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail	TWP (PP) Pusat Islam
14.	Encik Mohd Junaidi bin Haji Yasin	TWP (PP) Kolej Kediaman
15.	Encik Ludinata bin Misnun	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar
16.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
17.	Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
18.	Puan Noorizajune binti Abu Bakar	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
19.	Puan Noraihan binti Noordin	TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan
20.	Encik Mohd Pauzi bin Abd Karim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
21.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains

22.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
23.	Encik Nasrudin bin Yahya	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia
24.	Encik Mohd Nazri bin Noh	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
25.	Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
26.	Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
27.	Tuan Haji Jamsari bin Tamsir	TWP (PTJ) Institut Biosains
28.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
29.	Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
30.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
31.	Puan Saliza binti Mustafa	TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa
32.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)
33.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit (PAD)
34.	Encik Muhazam bin Mansor	Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU)
35.	Encik Fahmi Azar bin Mistar	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU)
36.	Puan Nurhanisah binti Sadun	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik dan Akreditasi, Pusat Jaminan Kualiti
37.	Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor	Setiausaha/Pusat Jaminan Kualiti

Turut Hadir

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Tuan Haji Azmi bin Mohd Noordin	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
2.	Encik Abdul Razif bin Abdul Razak	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
3.	Puan Mastura binti Abd Rahim	Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar
4.	Puan Siti Razimah binti Mohd Noor	Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
5.	Puan Morni Yati binti Ibrahim	Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
6.	Cik Maryam binti Othman	Wakil TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
7.	Encik Mohd Farhan bin Shahrin	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
8.	Puan Rosiha binti Abdul Razak	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
9.	Puan Norazlina binti Zulkefli	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
10.	Encik Ibrahim bin Yunus	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
11.	Puan Nurul Asyikin binti Mohd Taib	Wakil TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
12.	Encik Haris bin Dahlan	Wakil TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
13.	Encik Norman Azlan bin Osman	Wakil Penyelaras Latihan Staf (PLS)
14.	Puan Nor Afida binti Miskam	Wakil Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
15.	Puan Ana Azrin binti Ahmad	Wakil Peneraju EMS, Pejabat Bursar
16.	Puan Joliah binti Hussin	Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
17.	Puan Siti Fatimah binti Hasim	Pusat Jaminan Kualiti

Tidak Hadir (dengan kenyataan)

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
2.	Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian
3.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
4.	Puan Rohani binti Abdul Latif	TWP (PP) Pejabat Bendahari
5.	Encik Muzaffar Shah bin Kassim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
6.	Dr. Haji Latif bin Anwar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan
7.	Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
8.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PTJ) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
9.	Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
10.	Encik Mustaffa bin Haji Dollah	TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
11.	Tuan Haji Ab. Malek bin Simon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
12.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
13.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
14.	Encik Sudirman bin Asmadi	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB

BIL.	NAMA	JAWATAN
15.	Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
16.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
17.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
18.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
19.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
20.	Cik Salmee Suhana binti Hashim	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
21.	Cik Nor Azizah binti Tamsi	Penyelaras Latihan Staf (PLS)
22.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
23.	Puan Rus Azizi binti Ismail	Peneraju EMS, Pejabat Bursar